



PRESS RELEASE TEKS UCAPAN YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA DATO SERI SETIA AWANG HAJI YAHYA BIN BEGAWAN MUDIM DATO PADUKA HAJI BAKAR, MENTERI PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN HARI METROLOGI SEDUNIA 2012

*Tarikh : Hari Sabtu, 9hb. Jun 2012
Tempat : Dewan Setia Pahlawan,
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.*

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Warabakatuh dan Salam Sejahtera

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut – pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Yang Mulia, Awg Majid bin Ali, Pemangku Ketua Pusat Standard Kebangsaan, selaku Pengerusi Majlis; Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Pengarah-Pengarah; Tetamu-Tetamu Khas; Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian.

Sambutan Hari Metrologi Sedunia 2012 ini adalah kali pertama di sambut di Negara Brunei Darussalam dikendalikan oleh Pusat Standard Kebangsaan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Metrologi ialah sains sukatan yang berhubungkait dengan pengukuran atau sukatan dan timbangan. Pemantauan ke atas ketepatan (accuracy) timbangan dan sukatan adalah sangat diperlukan dalam kerja-kerja seharian untuk menjamin keselamatan dan perlindungan pengguna.

Sukatan dan timbangan secara tidak langsung merupakan satu perkara penting dalam kehidupan kita seharian. Ianya berhubung kait dengan kualiti kehidupan seperti kesihatan, keselamatan, alam sekitar dan juga kualiti permakanan. Untuk memenuhi keperluan-keperluan ini, infrastruktur metrologi melalui agensi-agensi yang berkaitan sedang giat dibangunkan.

Metrologi di Negara Brunei Darussalam bukanlah satu perkara yang baru. Sejak 1912, Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah meluluskan Akta Sukatan dan Timbangan serta penubuhan satu unit sukatan dan timbangan di bawah Kawalan Polis Di Raja Brunei.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Pusat Standard Kebangsaan pada masa ini sedang bergiat dalam meningkatkan infrastruktur metrologi di Negara Brunei Darussalam. Salah satu perancangan ialah penubuhan Komiti Metrologi Kebangsaan di bawah penjagaan Majlis Standard Kebangsaan. Komiti ini berperanan sebagai penasihat dalam hal-hal berkaitan dengan objektif dasar kebangsaan bagi aktiviti-aktiviti sistem pengukuran, penilaian konformiti, pengurusan kualiti makmal dan makmal-makmal rujukan di peringkat kebangsaan serta antarabangsa.

Bagi menangani isu *traceability*, Kementerian ini telahpun mengenalpasti perkhidmatan yang perlu dibangunkan iaitu perkhidmatan makmal kalibrasi dan makmal ujian bagi mendokong Program Persijilan dan Pengiktirafan Makmal yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi memudahkan aktiviti-aktiviti eksport di Negara Brunei Darussalam melalui *Cross Border Recognition*. Dengan adanya perkhidmatan ini juga akan dapat memudahkan dan membantu makmal-makmal ujian di bawah agensi-agensi Kerajaan dan swasta untuk menepati keperluan Pengiktirafan Makmal seperti *Good Laboratory Practice* (GLP), ISO/IEC 17025 dan ISO 15189 dalam mendapatkan laporan ujian yang sah. Ianya juga akan dapat membantu pengusaha kecil dan sederhana (PKS) serta industri-industri dan kilang-kilang dalam menepati standard persijilan antarabangsa seperti Persijilan *Good Manufacturing Practice* (GMP), Persijilan Produk, HACCP, ISO 22000, ISO 9001 dan ISO 14001.

Maka oleh kerana itu pihak Kementerian ini telah mengubahsuai dua (2) buah makmal untuk dijadikan Makmal Kalibrasi dan Makmal Ujian. Makmal berkenaan dijangka akan dapat memberikan perkhidmatannya pada tahun depan untuk peralatan dan mesin bagi makmal-makmal di bawah agensi-agensi kerajaan, swasta, kilang-kilang pengusaha tempatan dan industri. Pihak Kementerian juga merancang untuk membangunkan kebolehpercayaan dan keyakinan pihak pelanggan kepada perkhidmatan kalibrasi yang akan diberikan melalui pembangunan sistem pengurusan makmal mengikut standard antarabangsa seperti ISO /IEC 17025, sistem pengurusan alam sekitar ISO 14001 dan juga sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan atau juga dikenali sebagai *Occupational Health and Safety Standard Management System* (OHSAS). Dengan adanya makmal kalibrasi tersebut itu nanti akan mampu membantu isu *traceability* serta mengukuhkan infrastruktur standard dan konforman dalam bidang metrologi yang sangat diperlukan bagi setiap Negara bagi meningkatkan aktiviti-aktiviti perdagangan, keselamatan dan perlindungan pengguna di Negara Brunei Darussalam. Usaha ini selaras dengan tema Hari Metrologi Sedunia pada tahun ini, iaitu "*Metrology For Safety*" dengan slogannya "*We Measure For Your Safety*".

Saya berharap dengan ada aktiviti Sambutan Hari Metrologi Sedunia yang mana akan dirancang untuk diadakan setiap tahun di Negara Brunei Darussalam akan dapat mendedahkan lebih lanjut akan kepentingan metrologi atau sains sukatan pada kehidupan seharian dan membantu pembangunan Infrastruktur Metrologi di Negara Brunei Darussalam dalam mendokong aktiviti-aktiviti Perdagangan, Sains & Teknologi, Industri-Industri, Kesihatan, Keselamatan dan Perlindungan Pengguna.

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya tidak lupa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa, tanpa usaha dan titik peluh mereka acara pada hari ini tidak akan berjalan dengan lancarnya. Semoga segala apa yang kita kerjakan akan diredai oleh Allah Subhanahu Wataala jua.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.